



Good food, Good life

TERMA DAN SYARAT

A. Jadual bagi Syarat Penyertaan

1. <u>Penganjur:</u>	Nestlé Products Sdn. Bhd. [197901000966 (45229-H)].
2. <u>Promosi:</u>	PERADUAN JOM BEREHAT BERSAMA NESTLÉ KITKAT EKSklusif DI SHELL SELECT .
3. <u>Tempoh Promosi:</u>	Promosi bermula jam 00:00:00 pada 15/08/2021 dan ditutup jam 23:59:59 pada 30/09/2021.
4. <u>Kelayakan:</u>	Promosi ini dibuka kepada semua individu penduduk Malaysia yang sah dengan dokumen pengenalan yang sah, berumur 18 tahun dan ke atas pada permulaan Tempoh Promosi. Penganjur berhak untuk meminta bukti dokumen pengenalan.
5. <u>Kaedah Penyertaan:</u>	<p>a. Untuk menyertai Promosi ini, beli minima <u>SAMA ADA</u>:</p> <ol style="list-style-type: none">mana-mana dua [2] NESTLÉ KITKAT CONFECTIONERY 4-Finger 35g [Original, Green Tea, Gold, Choco Banana]; <u>ATAU</u>mana-mana dua [2] NESTLÉ KITKAT CONFECTIONERY CHUNKY 38g [Milk Chocolate, Cookies & Cream, Raisin & Cookies]; <u>ATAU</u>mana-mana satu [1] NESTLÉ KITKAT CONFECTIONERY 4-Finger 35g [Original, Green Tea, Gold, Choco Banana] DAN mana-mana satu [1] NESTLÉ KITKAT CONFECTIONERY CHUNKY 38g [Milk Chocolate, Cookies & Cream, Raisin & Cookies], dalam satu resit tunggal dari mana-mana kedai SHELL SELECT semasa Tempoh Promosi ["Produk"]. <p>b. Resit boleh didapati dalam bentuk Resit bercetak dari sistem <i>Point of Sale</i> ["Resit"]. Resit mesti mengandungi Produk yang dibeli, tarikh pembelian, jumlah pembelian, nombor resit dan nama dan/atau logo kedai ["Butiran Resit"].</p> <p>c. Semasa proses pemilihan pemenang Hadiah, Penganjur akan memperuntukkan nombor bersiri berdasarkan Produk yang dibeli seperti yang dinyatakan dalam Resit yang dikemukakan. Untuk setiap set mana-mana dua [2] Produk, Penganjur akan memperuntukkan satu [1] nombor bersiri. Sila rujuk klausa 7, klausa 9 dan klausa 11 di bawah. <u>Sebagai contoh:</u> Sekiranya anda membeli enam [6] NESTLÉ KITKAT CONFECTIONERY CHUNKY Milk Chocolate 38g dalam satu resit, Penganjur akan memperuntukkan tiga [3] nombor bersiri.</p>

	<p>d. Kaedah penyertaan adalah melalui WhatsApp sahaja. Peserta boleh menghantar seberapa banyak Penyertaan yang mereka inginkan tetapi setiap Resit HANYA layak untuk satu [1] penyertaan melalui WhatsApp. Penganjur berhak untuk membatalkan penyertaan sebarang penyertaan WhatsApp dengan Resit yang dicetak semula dan/atau berulang dan/atau mengandungi lebih daripada satu [1] Resit.</p> <p>e. <u>Langkah-langkah penyertaan WhatsApp:</u></p> <ol style="list-style-type: none"> i. Tulis di depan Resit nama penuh dan nombor pengenalan anda ["Butiran Peribadi"] dan mesti boleh dibaca. <u>Contoh, tulis di atas Resit: Yong Mei Mei 950102148584</u> ii. Tangkap satu [1] gambar/imej ["Imej"] yang <u> jelas dan boleh dibaca</u>, satu [1] Resit lengkap dengan Butiran Peribadi dan Butiran Resit. iii. Hantar satu [1] Imej melalui WhatsApp dari mana-mana nombor yang berdaftar di Malaysia ke 018-228 2627 ["Penyertaan"]. iv. Penganjur AKAN auto-balas dengan laporan perakuan penerimaan penyertaan untuk setiap Penyertaan yang diterima. <p>f. Penganjur akan mengekstrak semua Penyertaan yang diterima untuk proses selanjutnya. Penyertaan yang tidak jelas, tidak dapat dibaca dan tidak lengkap akan dibatalkan.</p> <p>g. Penganjur berhak untuk meminta Resit asal [salinan cetak] sebagai bukti untuk pengesahan dan penebusan hadiah. Kegagalan untuk mengemukakan salinan cetak Resit apabila diminta akan mengakibatkan pembatalan dan pelucutan hadiah.</p>						
<p>6. <u>Hadiah Mingguan:</u></p>	<p>a. Terdapat empat belas [14] Hadiah Mingguan dalam bentuk Kad pramuat TOUCH 'N GO Edisi Khas NESTLÉ KITKAT dengan RM100 untuk dimenangi setiap minggu selama enam [6] minggu berturut-turut. Secara keseluruhan, terdapat lapan puluh empat [84] Hadiah Mingguan untuk dimenangi sepanjang Tempoh Promosi.</p> <p>b. Enam [6] tempoh mingguan adalah seperti di bawah:</p> <table data-bbox="448 1518 1329 1637"> <tr> <td>Minggu 1: 15/08 – 21/08/2021</td> <td>Minggu 2: 22/08 – 28/08/2021</td> </tr> <tr> <td>Minggu 3: 29/08 – 04/09/2021</td> <td>Minggu 4: 05/09 – 11/09/2021</td> </tr> <tr> <td>Minggu 5: 12/09 – 18/09/2021</td> <td>Minggu 6: 19/09 – 30/09/2021</td> </tr> </table>	Minggu 1: 15/08 – 21/08/2021	Minggu 2: 22/08 – 28/08/2021	Minggu 3: 29/08 – 04/09/2021	Minggu 4: 05/09 – 11/09/2021	Minggu 5: 12/09 – 18/09/2021	Minggu 6: 19/09 – 30/09/2021
Minggu 1: 15/08 – 21/08/2021	Minggu 2: 22/08 – 28/08/2021						
Minggu 3: 29/08 – 04/09/2021	Minggu 4: 05/09 – 11/09/2021						
Minggu 5: 12/09 – 18/09/2021	Minggu 6: 19/09 – 30/09/2021						
<p>7. <u>Maklumat Pengadil-an-Hadiah Mingguan:</u></p>	<p>a. Sebagai sebahagian daripada proses pemilihan Finalis Hadiah Mingguan, Penganjur akan memperuntukkan nombor bersiri untuk setiap Penyertaan WhatsApp yang diterima dan diluluskan oleh Penganjur sebagai penyertaan berjaya setiap minggu, sepanjang Tempoh Promosi mengikut Resit yang dikemukakan [masing-masing adalah "Penyertaan Layak" dan secara kolektif "Penyertaan Layak"]. Satu set nombor bersiri akan diperuntukkan untuk Penyertaan Layak bermula dari nombor bersiri "1".</p> <p>b. Setiap minggu nombor bersiri yang diperuntukkan kepada setiap</p>						

	<p>Penyertaan Layak akan disusun kira dan dicampurkan untuk mendapatkan jumlah bilangan Penyertaan Layak ["Jumlah Penyertaan Layak"]. Andainya Jumlah Penyertaan Layak bagi minggu tersebut ialah 288, Penganjur akan mengira dan memilih finalis berdasarkan yang berikut:</p> <p>i. Pemilihan empat belas [14] Finalis Hadiah Mingguan: $288 \div 14 = 20.5$. Oleh sebab pembahagian 288 dengan 14 akan menghasilkan nombor dengan nilai perpuluhan, nombor 20.5 akan dibundarkan ke bawah kepada 20. 14 Peserta dengan Penyertaan Layak minggu tersebut dengan nombor bersiri berikut akan dipilih: 20*, 40*, 60*, 80, 100 dan seterusnya. [*contoh pengiraan: 20, $20+20=40$, $40+20=60$].</p>
8. <u>Hadiah Pusingan:</u>	<p>a. Terdapat tiga [3] Hadiah Pusingan dalam bentuk SAMSUNG GALAXY BUDS PRO bernilai RM700 setiap satu untuk dimenangi setiap pusingan dua [2] pusingan berturut-turut. Secara keseluruhan, terdapat enam [6] Hadiah Pusingan untuk dimenangi sepanjang Tempoh Promosi.</p> <p>b. Dua [2] tempoh pusingan adalah seperti: Pusingan 1: 15/08 – 04/09/2021 Pusingan 2: 05/09 – 30/09/2021</p>
9. <u>Maklumat Pengadil-an-Hadiah Pusingan:</u>	<p>a. Sebagai sebahagian daripada proses pemilihan Finalis Hadiah Pusingan, semua Penyertaan Layak yang dikumpulkan dan diproses oleh Penganjur semasa proses pemilihan pemenang mingguan dan sepanjang tempoh setiap pusingan akan secara berasingan diperuntukkan satu set nombor bersiri yang bermula dengan nombor bersiri "1".</p> <p>b. Setiap pusingan nombor bersiri yang diperuntukkan kepada setiap Penyertaan Layak akan disusun kira dan dicampurkan untuk mendapatkan jumlah bilangan Penyertaan Layak ["Jumlah Penyertaan Layak"]. Andainya Jumlah Penyertaan Layak bagi pusingan tersebut ialah 2001, Penganjur akan mengira dan memilih finalis berdasarkan yang berikut:</p> <p>i. Pemilihan tiga [3] Finalis Hadiah Pusingan: $2001 \div 3 = 667$. Oleh sebab pembahagian 2001 dengan 3 akan menghasilkan nombor 667. 3 Peserta dengan Penyertaan Layak Pusingan tersebut dengan nombor bersiri berikut akan dipilih: 667*, 1334*, dan 2001. [*contoh pengiraan: 667, $667+667=1334$, $1334+667=2001$].</p>
10. <u>Hadiah Utama:</u>	<p>Terdapat dua [2] Hadiah Utama dalam bentuk ALAT PEMBESAR SUARA DI RUMAH BOSE 300 bernilai RM1500 setiap satu untuk dimenangi sepanjang Tempoh Promosi.</p>
11. <u>Maklumat Pengadil-an-Hadiah Utama:</u>	<p>a. Untuk memilih Finalis, semua Penyertaan Layak yang dikumpulkan dan diproses oleh Penganjur semasa proses pemilihan pemenang pusingan dan sepanjang Tempoh Promosi akan secara berasingan diperuntukkan satu set nombor bersiri yang bermula dengan nombor bersiri "1".</p> <p>b. Sepanjang Tempoh Promosi, nombor bersiri yang diperuntukkan kepada setiap Penyertaan Layak akan disusun kira dan dicampurkan untuk</p>

	<p>mendapatkan jumlah bilangan Penyertaan Layak ["Jumlah Penyertaan Layak"]. Andainya Jumlah Penyertaan Layak ialah 10001, Penganjur akan mengira dan memilih berdasarkan yang berikut:</p> <p>i. Pemilihan tiga [3] Finalis Hadiah Pusingan: $10001 \div 2 = 5000.5$. Oleh sebab pembahagian 10001 dengan 2 akan menghasilkan akan menghasilkan nombor dengan nilai perpuluhan, nombor 5000.5 akan dibundarkan ke bawah kepada 5000. 2 Peserta dengan Penyertaan Layak Pusingan tersebut dengan nombor bersiri berikut akan dipilih sebagai Finalis: 5000* dan 10000* [*contoh pengiraan: 5000, $5000+5000=10000$].</p>
<p>12. <u>Terma Tambahan:</u></p>	<p>a. Penganjur akan menghubungi semua Finalis terpilih melalui WhatsApp menerusi nombor telefon bimbit yang diterima oleh Penganjur dalam Penyertaan Layak. Setiap Finalis terpilih akan diberikan satu [1] soalan untuk dijawab. Finalis terpilih perlu menjawab soalan yang dikemukakan oleh Penganjur dengan betul untuk memenangi Hadiah. Kegagalan untuk menjawab dengan betul dan/atau kegagalan untuk menjawab soalan yang diberikan oleh Penganjur dalam masa yang dinyatakan akan mengakibatkan pembatalan Hadiah. Penganjur tidak bertanggungjawab sekiranya Finalis terpilih tidak boleh dihubungi atas apa jua sebab.</p> <p>b. Setiap peserta hanya boleh memenangi di sepanjang Tempoh Promosi:</p> <p>i. Satu [1] Hadiah Mingguan setiap minggu, [maksima sehingga dua [2] hadiah mingguan];</p> <p>ii. Satu [1] Hadiah Pusingan; dan</p> <p>iii. Satu [1] Hadiah Utama.</p> <p>c. Semua hadiah akan dikurier kepada pemenang dalam tempoh 6 – 8 minggu dari 30/09/2021. Penganjur akan memaklumkan semua pemenang melalui WhatsApp mengenai butiran penghantaran hadiah dan terma dan syarat yang ditetapkan oleh pembekal pihak ketiga. Penganjur berhak untuk melanjutkan jangka masa yang dinyatakan di bawah klausa ini disebabkan alasan di luar kawalan Penganjur.</p> <p>d. Semua hadiah yang tidak dituntut selepas 01/02/2022 yang ditetapkan oleh Penganjur untuk pengambilan hadiah akan dibatalkan.</p> <p>e. Senarai Pemenang boleh didapati di: https://www.dearnestle.com.my/peraduan-jom-berehat-kitkat-shell.</p> <p>f. Pihak Penganjur mengekalkan hak untuk menggantikan sebarang hadiah dengan hadiah lain yang sama nilainya sekiranya hadiah asal yang ditawarkan tidak tersedia.</p> <p>g. Penganjur tidak termasuk tanggungjawabnya dan semua tanggungjawab yang timbul daripada penangguhan, pembatalan, kelewatan atau perubahan atau pengubahsuaian pada Promosi atau hadiah atau</p>

	<p>disebabkan oleh keadaan lain yang tidak dijangka dan di luar kawalan Penganjur seperti campur tangan pihak pemerintah, kekacauan awam, rusuhan, perang, mogok, tindakan keganasan (termasuk tetapi tidak terhad kepada sebarang tindakan keganasan, permusuhan, kecemasan nasional, atau berlakunya epidemik/pandemik) dan untuk sebarang tindakan atau keingkaran oleh mana-mana pembekal atau vendor pihak ketiga.</p> <p>h. Penganjur tidak akan bertanggungjawab atas kehilangan atau kerosakan yang berlaku ke atas hadiah semasa proses penghantaran. Sebarang kos tambahan lain (seperti kos perjalanan, kos pengangkutan, duti dan cukai) yang termasuk untuk menebus atau mengambil hadiah akan ditanggung oleh pemenang atas kos mereka sendiri.</p>
--	---

Jadual bagi Syarat Penyertaan ini mesti dibaca bersama dengan Syarat Penyertaan yang boleh didapati di <https://www.dearnestle.com.my/peraduan-jom-berehat-kitkat-shell>, secara kolektif dinamakan “Terma dan Syarat”, yang akan mengikat semua peserta yang menyertai Promosi ini (selepas ini dirujuk sebagai “Peserta”, “Anda”)

B. Syarat-syarat Penyertaan

1. Pengenalan

- 1.1 Syarat-syarat Penyertaan ini mesti dibaca bersama dengan Jadual Syarat Penyertaan, secara kolektif dinamakan “Terma dan Syarat”, yang akan mengikat semua Peserta (dan ibu bapa/penjaga Peserta yang sah, jika Peserta bawah umur) yang menyertai Promosi ini (selepas ini dirujuk sebagai “Peserta”, “Anda”). Jika terdapat sebarang ketidakseragaman antara syarat Penyertaan ini dan Jadual Syarat Penyertaan, Jadual Syarat Penyertaan hendaklah diguna pakai. Setiap terma yang berhuruf besar jika tidak dinyatakan selainnya di dalam ini hendaklah mempunyai maksud yang ditakrifkan untuk terma sedemikian dalam Jadual Syarat Penyertaan. Terma yang ditakrifkan boleh digunakan untuk bentuk mufrad dan jamak mengikut keadaan.
- 1.2 Penganjur berhak mengikut budi bicara mutlaknyanya, tanpa memberi notis terlebih dahulu, dan tanpa menanggung sebarang liabiliti terhadap sesiapa, pada bila-bila masa mengubah Terma dan Syarat termasuk mengubah Tempoh Promosi, membuat penggantian Hadiah, membatalkan, menamatkan atau menggantung Promosi secara keseluruhan atau sebahagian. Sekiranya terdapat sebarang perubahan kepada Terma dan Syarat, Peserta bersetuju bahawa Penyertaan berterusan mereka dalam Promosi akan menandakan penerimaan mereka terhadap Terma dan Syarat (sebagaimana yang diubah).

- 1.3 Keputusan Penganjur mengenai semua perkara yang berkaitan dengan Promosi termasuk pengadilan dan pemilihan pemenang adalah muktamad, mengikat dan tidak boleh dipertikaikan oleh semua Peserta, dan surat-menyurat atau rayuan tidak akan dilayani.

2. Penyertaan Promosi

- 2.1 Dengan mengemukakan Penyertaan untuk Promosi ini, Peserta dianggap sudah memahami dan bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat ini.
- 2.2 Semua kos dan perbelanjaan yang ditanggung dan/atau timbul daripada Penyertaan dalam Promosi, termasuk tanpa terhad kepada caj telekomunikasi, rangkaian, Khidmat Pesanan Ringkas (SMS), pos dan semua caj lain sedemikian dan perbelanjaan sendiri yang mungkin dibelanjakan oleh Peserta semasa atau berhubung dengan Promosi hendaklah ditanggung oleh Peserta.
- 2.4 Bukti penghantaran Penyertaan bukan bukti penerimaan, dan Penganjur tidak boleh dipertanggungjawabkan terhadap sebarang Penyertaan yang lewat, hilang, rosak dan/atau Penyertaan yang tidak diterima. Penganjur tidak bertanggungjawab terhadap sebarang kesilapan, ketinggalan, gangguan, pemotongan, kerosakan, kelewatan, kegagalan operasi atau transmisi, kegagalan talian komunikasi, kecurian atau kemusnahan, capaian tanpa izin, atau perubahan komunikasi pengguna atau ahli, atau sebarang masalah atau gangguan teknikal terhadap sebarang rangkaian atau talian telekomunikasi, sistem komputer dalam talian, pelayan atau penyedia perkhidmatan, peralatan komputer, sistem, perisian, kegagalan e-mel atau penerimaan Penyertaan disebabkan oleh masalah teknikal atau kesesakan lalu lintas di internet.

3. Kelayakan

- 3.1 Jika umur kelayakan Peserta sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Syarat Penyertaan iaitu di bawah lapan belas (18) tahun, Peserta dikehendaki mendapatkan kebenaran bertulis (dalam bentuk yang ditetapkan oleh Penganjur), daripada ibu bapa/penjaga mereka yang sah sebelum menyertai Promosi dan mengemukakan sebarang maklumat peribadi.
- 3.2 Penganjur boleh meminta Peserta memberikan bukti kelayakan untuk menyertai Promosi termasuk tanpa had, dokumen pengenalan, dan kebenaran bertulis daripada ibu bapa/penjaga mereka yang sah dalam kes Peserta di bawah umur lapan belas (18) tahun.

4. Tidak layak

Kumpulan orang di bawah tidak layak untuk menyertai Promosi:

- (a) Kakitangan Penganjur dan syarikat-syarikat dalam kumpulannya dan ahli keluarga terdekat mereka (suami isteri, anak, ibu bapa, adik-beradik, dan suami isteri mereka); dan
- (b) Kakitangan agensi Penganjur yang ada kaitan dengan Promosi dan ahlikeluarga terdekat mereka (suami isteri, anak, ibu bapa, adik-beradik, dan suami isteri mereka).

5. Perlucutan Kelayakan

5.1 Penyertaan berikut akan disingkirkan:

- (b) Penyertaan yang tidak jelas, tidak lengkap, berulang, salinan, tidak boleh dibaca atau tidak betul; dan/atau
- (b) Penyertaan yang melanggar Terma dan Syarat, mana-mana undang-undang dan/atau peraturan yang berkuat kuasa.

5.2 Selain itu, Penganjur berhak untuk melucutkan kelayakan mana-mana Peserta yang:

- (a) menjejaskan, telah atau cuba menjejaskan perjalanan Promosi dengan pemalsuan, penipuan atau perdayaan; dan/atau
- (b) tidak layak atau tidak dapat mengemukakan bukti kelayakan untuk menyertai Promosi apabila diminta untuk pengesahan Penganjur.

5.3 Sekiranya perlucutan kelayakan berlaku selepas Hadiah diberikan, Penganjur berhak untuk menuntut pemulangan Hadiah atau bayaran nilainya daripada Peserta yang lucut kelayakan.

6. Hadiah

6.1 Penganjur, ejen, penaja dan wakilnya tidak bertanggungjawab kepada mana-mana Peserta yang gagal mengutip Hadiah menurut ketetapan Tuntutan Hadiah/Tarikh Penghantaran dalam apa keadaan sekalipun. Penganjur berhak menentukan pengurusan Hadiah yang tidak dituntut.

6.2 Hadiah sama sekali tidak boleh dipindah milik, diserahkan hak, ditukar atau ditebus oleh Peserta dalam apa-apa bentuk lain atau cara lain daripada yang ditetapkan oleh Penganjur.

6.3 Sebarang kos tambahan yang tidak dinyatakan secara khusus dalam Jadual Syarat Penyertaan berkaitan Hadiah hendaklah ditanggung oleh Pemenang.

6.4 Semua Hadiah mesti diambil menurut terma dan syarat Penganjur, ejennya, penaja atau pihak ketiga yang menyediakan Hadiah.

(a) **Tiket Acara:**

Penganjur tidak bertanggungjawab terhadap sebarang pembatalan atau penjadualan semula yang boleh menghalang penunaian Hadiah. Tiket hanya boleh digunakan pada tarikh yang dinyatakan pada tiket.

(b) **Hadiah Pelancongan/Percutian:**

Jika pelancongan ditawarkan sebagai Hadiah, penerbangan dan penginapan tertakluk kepada ketersediaan pada masa tempahan. Hadiah mesti diambil menurut tarikh dan destinasi yang ditetapkan oleh Penganjur, ejennya atau penaja. Wang untuk perbelanjaan tambahan, makanan, cukai, pasport yang sah, visa, pengangkutan pergi & balik dari tempat berlepas dan perjalanan tambahan, insurans & semua kos sampingan lain yang tidak dinyatakan secara khusus dalam Jadual Syarat Penyertaan adalah tanggungjawab Pemenang.

6.5 Hadiah diberikan berasaskan “keadaan sedia ada.” Hadiah hendaklah digunakan/diambil atas risiko Peserta sepenuhnya dan Penganjur sama sekali tidak memberi sebarang jaminan mahupun menanggung sebarang liabiliti berhubung dengan Hadiah setakat yang dibenarkan di bawah undang-undang.

6.6 Hadiah hendaklah dituntut sendiri melainkan Penganjur menetapkan cara lain untuk kutipan.

6.7 Jika Peserta bawah umur 18 tahun dan diisytiharkan sebagai pemenang Hadiah, Peserta mesti ditemani oleh ibu bapa/penjaga mereka yang sah sepanjang upacara penyampaian Hadiah.

7. Publisiti

Penganjur boleh menggunakan Penyertaan Peserta termasuk tanpa terhad kepada gambar, lukisan, teks, dan kandungan atau maklumat lain yang dikemukakan untuk tujuan Promosi (secara kolektif dinamakan “Bahan”), dan nama Peserta, dan/atau persamaannya, untuk tujuan pengiklanan, publisiti dan Promosi mana-mana barangan atau perkhidmatan Penganjur, untuk tempoh tidak terhad di seluruh dunia tanpa pampasan, dan dalam mana-mana media. Peserta hendaklah melakukan segala perkara yang perlu untuk tujuan ini jika diminta oleh Penganjur.

8. Hak Milik Intelektual

Peserta bersetuju bahawa semua hak milik intelektual dalam mana-mana kandungan dan/bahan yang dikemukakan, dibuat atau dicipta oleh Peserta berkaitan dengan Promosi dan sebarang hasil kerja terbitan yang timbul daripadanya secara kekal dan tanpa syarat akan menjadi hak, kepunyaan dan milik Penganjur. Penganjur berhak

untuk menggunakan dan mengubah suai bahan atau hasil kerja sedemikian dalam apa cara sekalipun yang dianggap sesuai tanpa pampasan kepada Peserta dan Peserta mengetepikan segala haknya ke atas bahan atau hasil kerja sedemikian.

9. Indemniti

Setiap Peserta bersetuju untuk melindungi, melepaskan dan tidak mempertanggungjawabkan Penganjur, syarikat pegangan, anak syarikat atau syarikat berkaitannya sebagaimana ditetapkan dalam Akta Syarikat 2016 (“Kumpulan Nestlé Malaysia”), para pengarah, pegawai, kakitangan, ejen, penaja dan/atau wakilnya daripada sebarang dan segala kerugian, hak, tuntutan, tindakan dan kerosakan (termasuk kerosakan khas, tidak langsung dan lanjutan) yang timbul daripada atau ditanggung akibat Penyertaan Peserta dalam Promosi, penerimaan dan/atau penggunaan mana-mana Hadiah, Penyertaan Peserta dan/atau persamaannya berkaitan dengan Promosi atau pelanggaran Terma dan Syarat,

10. Had Liabiliti

10.1 Penyertaan Peserta dalam Promosi adalah atas risiko Peserta sendiri.

10.2 Penganjur, Kumpulan Nestlé Malaysia, para pengarah, pegawai, kakitangan, ejen, penaja dan/atau wakilnya tidak boleh dipertanggungjawabkan ke atas mana-mana Peserta berhubung dengan sebarang kehilangan atau kerosakan dan sebagainya yang dialami, termasuk tetapi tidak terhad kepada kehilangan secara tidak langsung atau berbangkit, atau bagi kecederaan diri yang dialami atau ditanggung oleh Peserta yang timbul daripada atau berkaitan dengan Penyertaan Peserta dalam Promosi, dan juga penebusan dan/atau penggunaan mana-mana Hadiah yang dimenangi.

11. Am

11.1 Penganjur, ejen, penaja dan/atau wakilnya tidak boleh dipertanggungjawabkan untuk menunaikan mana-mana kewajipan mereka berhubung dengan Promosi dan Terma dan Syarat jika mereka tidak dapat berbuat demikian disebabkan keadaan di luar kawalan mereka dan dalam keadaan sedemikian mereka tidak boleh dipertanggungjawabkan untuk membayar pampasan kepada Peserta dalam apa cara sekalipun.

11.2 Sebarang nama, tanda perdagangan atau logo yang digunakan dan/atau diterbitkan semula dalam mana-mana bahan (termasuk bahan pemasaran dan Promosi) berhubung dengan Promosi, khususnya yang berkaitan Hadiah, adalah hak milik pemilik masing-masing. Promosi ini dan Penganjur tidak mempunyai pertalian dengan, atau mendapat pengesahan atau tajaan daripada, pemilik berkenaan,

melainkan dinyatakan sebaliknya, dan pemilik sedemikian bukan sebahagian daripada syarikat kumpulan Penganjur.

- 11.3 Peserta tidak berhak untuk menyerahkan mana-mana hak atau subkontrak mana-mana the kewajipan yang terkandung di sini. Penganjur berhak untuk menyerahkan atau melesenkan seluruh atau mana-mana bahagian haknya kepada mana-mana pihak ketiga sebagaimana yang boleh ditentukan oleh Penganjur.
- 11.4 Ketaksahan, tindakan yang menyalhi undang-undang atau kegagalan pengutkuasaan mana-mana terma tidak akan menjejaskan atau mempengaruhi kesinambungan pelaksanaan Terma dan Syarat Promosi yang selainnya.
- 11.5 Di mana Terma dan Syarat Promosi disediakan dalam bahasa Inggeris dan bahasan lain, sekiranya terdapat sebarang ketidakseragaman antara bahasa Inggeris dan bahasa lain, versi bahasa Inggeris hendaklah diguna pakai dan dikuatkuasakan dalam semua hal.
- 11.6 Terma dan Syarat Peraduan hendaklah diertikan, ditadbir dan ditafsirkan (menurut undang-undang Malaysia).

12. Notis Privasi

- 12.2 Dengan menyertai Promosi, Peserta bersetuju dengan pemprosesan Data Peribadi Peserta oleh Penganjur berdasarkan Notis Privasi di www.nestle.com.my/info/privay_notice.
- 12.1 By participating in the Promotion, the Participant agrees to the processing of the Participant's Personal Data by the Organizer in accordance with the Privacy Notice in www.nestle.com.my/info/privacy_notice.